

UNIT 8

PENYERAPAN




Mengapakah baju Hafiz dan bulu anak-anak ayam tidak basah?



Objek Menyerap Air, Objek Tidak Menyerap Air

Air sirap tertumpah di atas meja kaca.
Kemudian, Alia mengelap tumpahan air itu.



Ke manakah hilangnya air itu?
Mengapakah meja kaca tidak
basah? Mari kita siasat!



Mari Uji

Menyerap Air atau Tidak

ALAT DAN BAHAN



air berwarna



penitis



kertas nota



sapu tangan



tisu



pemadam



duit syiling



klip kertas



bebola kapas



mainan plastik



AKTIVITI KUMPULAN

Langkah-langkah

- 1 Titiskan air berwarna ke atas objek-objek tersebut.
- 2 Perhatikan air berwarna yang telah dititiskan.
- 3 Catatkan pemerhatian kamu dalam jadual seperti di bawah.

Objek	Titisan air	
	Ada	Tiada
Duit syiling	✓	
Sapu tangan		



SOALAN

1. Objek yang manakah masih ada lagi titisan air di atasnya? Mengapa?
2. Objek yang manakah tiada lagi titisan air di atasnya? Mengapa?


Meja kaca **tidak menyerap air**. Kain lap pula **menyerap air**. Terdapat objek menyerap air dan objek tidak menyerap air.

Mari kelaskan objek

Terdapat pelbagai objek di ruang dapur.



Alia telah mengenal pasti tisu dapur ialah objek yang boleh menyerap air. Manakala gelas kaca ialah objek yang tidak boleh menyerap air. Mari kita bantu Alia mengelaskan objek itu kepada dua kumpulan.



Keupayaan objek menyerap air



ALAT DAN BAHAN



sebatang lidi



gam



air berwarna



kain, surat khabar
dan tisu dapur



AKTIVITI KUMPULAN

Langkah-langkah



- 1 Potong surat khabar, tisu dapur dan kain mengikut saiz yang sama.



- 2 Lekatkan potongan objek pada sebatang lidi.



- 3 Celupkan potongan objek ke dalam bikar yang mengandungi air berwarna. Biarkan selama 1 minit.



- 4 Perhatikan had air berwarna yang diserap oleh ketiga-tiga objek.



SOALAN

1. Objek yang manakah menyerap air paling banyak? Mengapa?
2. Objek yang manakah menyerap air paling sedikit? Mengapa?
3. Susunkan objek mengikut keupayaan bahan menyerap air mengikut urutan menaik.

1. Tisu dapur ialah objek yang menyerap air paling tinggi.
2. Kertas surat khabar ialah objek yang menyerap air paling rendah.

Info Guru



- Keupayaan menyerap air bermaksud kebolehan menyerap air.
- Malarkan ketebalan objek dan saiz objek.
- Gunakan pewarna makanan untuk mewarnakan air.



Kepentingan Objek Menyerap dan Objek Tidak Menyerap Air

Apakah kepentingan objek yang boleh menyerap air? Perhatikan contoh situasi ini.



Nyatakan kepentingan objek menyerap air dalam setiap situasi ini.

Badan adik basah selepas mandi. Ayah mengelap adik dengan tuala.

Mengapakah bebola kapas digunakan untuk mengelap luka?



8.1.4

Buku Aktiviti
Halaman:
54-55

Beri kepentingan objek lain yang boleh menyerap air dalam kehidupan kamu.



Bagaimanakah ibu mengeringkan jag?

Bagaimanakah Imran mengelap peluh?



Apakah pula kepentingan objek yang tidak boleh menyerap air? Bincangkan.



Objek yang boleh menyerap air dan objek yang tidak boleh menyerap air penting dalam kehidupan kita.



Reka Cipta

Mop Mini

ALAT DAN BAHAN



getah rambut



AWAS!



gunting



tali pengikat



pen

8.1.5
8.1.6

Info Guru

- Guru membantu murid memotong tali pengikat mengikut ukuran yang diberi.


Buku Aktiviti
Halaman:

56



AKTIVITI KUMPULAN


Langkah-langkah



- 1 Potong tali pengikat sebanyak 5 utas.



- 3 Buka belakang pen dan keluarkan isinya. Masukkan hujung benang halus tadi dan keluarkan di bahagian muncung pen.



- 2 Ikat bahagian tengah tali tadi dengan tali pengikat yang lebih halus.



- 4 Ikat tali pada muncung pen dengan getah dan tutup dengan penutup pen. Cerai-ceraikan benang tadi.

- 5 Jelaskan tentang mop mini yang kamu hasilkan di hadapan kelas.

? SOALAN

- Mengapakah tali pengikat digunakan untuk membuat mop mini?
- Apakah bahan lain yang boleh digunakan bagi menggantikan tali pengikat?



Mari Ulang Kaji

1. Kelaskan objek-objek berikut mengikut kebolehan menyerap air.

tisu dapur

duit syiling

beg kertas

klip kertas

2. Susun objek-objek yang berikut berdasarkan keupayaan menyerap air mengikut urutan menaik.

kertas surat khabar

kain lap

kad manila

Info Guru



- Gunakan pen yang sudah kehabisan dakwat.
- Gunakan pen yang boleh dibuka di bahagian belakangnya.

3. Nyatakan kepentingan objek-objek yang berikut.



Ingat Semula

- Ada objek yang boleh menyerap air, ada objek yang tidak boleh menyerap air.

PENYERAPAN

Objek boleh menyerap air

Sapu tangan, tisu, kertas surat khabar, kain lap

Kepentingan



Objek tidak boleh menyerap air

Klip kertas, pemadam, mainan plastik, straw

Kepentingan



Rekreasi Sains

Serap dan Mekar

- Hasilkan sekuntum bunga daripada kertas.
- Lipat kelopakannya ke dalam dan letakkan di atas air.
- Perhatikan apa yang berlaku.

